

**FUNGSI PROGRAM PERSEDIAAN KERJAYA :**  
**SATU KAJIAN KES DI KALANGAN SISWAZAH PROGRAM SARJANA**  
**PENDIDIKAN (TEKNIKAL) KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN**  
**HUSSEIN ONN (KUITTHO), BATU PAHAT, JOHOR.**

**ROSNI BT. HAMAT**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2001

Untuk insan yang dikasihi, ayahanda Hj. Hamat b. Hj. Saman dan bonda Hjh. Minah bt. Hj. Salleh yang tidak jemu mencurahkan pengorbanan, kasih sayang dan doa murni untuk kejayaan anakandamu ini. Teristimewa buat suami tersayang, Junaidi b. Haidir yang begitu memahami, menguatkan semangatku dan sanggup berkongsi suka duka bersama. Abang, kaulah segala-galanya... Tidak lupa untuk abang-abang, kakak-kakak dan adikku. Kalian semua cukup bermakna dalam hidup ini.

Terima kasih untuk semua.....



PTM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W.

Syukur alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan rahmat Nya, saya dapat menyiapkan penyelidikan ini. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat terutama sekali Encik Mohd. Noor Bin Hashim, pensyarah dari Jabatan Teknik dan Vokasional, KUiTTTHO selaku penyelia dan pensyarah pembimbing saya dalam menyiapkan kertas penyelidikan ini. Terima kasih di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan tanpa jemu.

Kerjasama daripada pensyarah penilai, Tuan Haji Ali Bin Suradin serta pelajar-pelajar semester tiga sesi 2000 / 2001, program Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTTHO yang telah banyak membantu dalam usaha mendapatkan data bagi kajian ini. Kerjasama yang diberikan amat dihargai dan diiringi dengan ucapan terima kasih yang tidak terhingga.

Tidak dilupakan ucapan terima kasih ini ditujukan khas kepada rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang telah menyumbangkan idea, cadangan dan kata-kata semangat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses menyiapkan kertas penyelidikan ini.

## ABSTRAK

Kajian ini bertajuk “*Fungsi program persediaan kerjaya: Satu kajian kes di kalangan siswazah program Sarjana Pendidikan (Teknikal) Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor.*” Program Sarjana Pendidikan (Teknikal) di KUiTTHO merupakan satu-satunya program yang memfokuskan kepada penghasilan bakal pensyarah untuk sektor pendidikan politeknik di Malaysia. Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan graduan mengenai kesesuaian program Sarjana Pendidikan (Teknikal) dengan kehendak profesion perguruan di politeknik. Pelajar semester akhir program ini telah dipilih sebagai responden kajian. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa majoriti responden bersetuju terdapatnya kerelevanan di antara kadar kepentingan ilmu dan kemahiran dengan ketrampilan graduan (purata min; 4.03 dan sisihan piawai; 0.31). Di samping itu, komponen kurikulum program Sarjana Pendidikan (Teknikal) adalah menepati dengan skop tugas guru profesional di politeknik (purata min; 4.17 dan sisihan piawai; 0.21). Responden bersetuju bahawa semua komponen kurikulum yang sedia ada adalah penting. Subjek seperti MTI 2012; Falsafah Sains dan Pembangunan Sosial dan MTP 3012; Isu-isu Global paling penting, sementara MTT 2703; Pembangunan Sumber Manusia dalam Pendidikan dilihat sebagai paling kurang penting berbanding subjek-subjek lain. Oleh itu, hasil kajian ini mendapati bahawa program Sarjana Pendidikan (Teknikal) di KUiTTHO dapat menyumbang dalam meningkatkan kualiti pensyarah-pensyarah profesional. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada perancang dan pembentuk kurikulum di KUiTTHO untuk meningkatkan kualiti program Sarjana Pendidikan (Teknikal) pada masa akan datang.

## ABSTRACT

This study entitled "*The function of the pre-service career development programme: A case study conducted among the graduate students of the Masters in Education (Technical) of the Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO), Batu Pahat, Johor.*" The Masters in Education (Technical) programme in KUiTTHO is the only programme that focused on producing future lecturers for the polytechnics education sector in Malaysia. The purpose of this study is to find out the opinion of the graduate on the compatibility of the programme to the professional needs of lecturers in the polytechnics. Students from the final semester of the programme had being selected as respondents of this study. The findings of this study proved that, majority of the respondents agreed that the importance of knowledge and skills obtained from the programme was relevant to the professional teaching competencies of the graduate students of the programme (min average, 4.05 and SD; 0.31). The curriculum content of the programme fulfilled the professional needs and scope of the teaching profession in the polytechnics (min average, 4.17 and SD; 0.21). The respondents agreed that all the subjects in the curriculum are important. Subjects such as MTI 2012, The Philosophy of Science and Social Development and MTP 3012, Global Issues were both perceived as most important while MTT 2703, Human Resource Development in Education was perceived as less important than the other subjects. Therefore, this study concluded that the Masters in Education (Technical) programme at KUiTTHO do contribute in enhancing the quality of professional lecturers. Hopefully, the findings of this study may give some insight to the planners and curriculum developers of the programme in KUiTTHO in improving the quality of the Masters in Education (Technical) programme in the future.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>BAB I</b>	<b>Pengenalan</b>	1
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	2
	1.2 Pernyataan Masalah	6
	1.3 Objektif Kajian	7
	1.4 Soalan Kajian	7
	1.5 Kerangka Teori	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Skop Kajian	10
	1.8 Definisi Istilah	10
	1.8.1 Kurikulum	10
	1.8.2 Profesional	11
	1.8.3 Pendidikan Kerjaya	12
	1.8.4 Pendidikan Teknikal	12
	1.8.5 Kualiti	12

<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	14
2.0	Pengenalan	14
2.1	Tujuan Program Pembelajaran Kerjaya	17
2.2	Jenis-jenis Pembelajaran Kerjaya	18
2.2.1	<i>Contracted Instruction</i>	18
2.2.2	<i>Cooperative Education</i>	18
2.2.3	<i>School-to-Apprenticeship</i>	18
2.2.4	<i>Registered Apprenticeship</i>	19
2.2.5	<i>Career Exploration</i>	19
2.2.6	<i>Service Learning</i>	19
2.2.7	<i>Career Internships</i>	19
2.2.8	<i>Career Academies</i>	20
2.2.9	<i>School-Based Enterprises</i>	20
2.3	Kurikulum Program Pembelajaran Kerjaya	21
2.4	Keberkesanan Kualiti Program Pendidikan Kerjaya	23
2.4.1	Kompeten Dalam Teknikal	23
2.4.2	Meluas	23
2.4.3	Kompeten Terhadap Personal Dan Sosial	24
2.4.4	Tanggapan dan Tindakbalas	24
2.4.5	Peranan Mengajar	24
2.4.6	Pencapaian Akademik	24
2.4.7	Laluan Kerjaya	24
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI PENYELIDIKAN</b>	26
3.0	Pengenalan	26
3.1	Rekabentuk Kajian	26
3.2	Responden dan Sumber Data	27
3.3	Kerangka Operasi Kajian Lapangan	28
3.4	Instrumen Kajian	29

3.5	Kaedah Analisis Data	33
3.5.1	Kaedah Peratusan	34
3.5.2	Penganalisaan Skor Min	34
3.6	Kajian Rintis	35
3.7	<i>Content Validity</i>	36
3.8	Batasan Kajian	36
3.9	Andaian	37

## **BAB IV ANALISIS DATA** 38

4.0	Pengenalan	38
4.1	Analisis Bahagian A	38
4.1.1	Jantina	39
4.1.2	Ras	39
4.1.3	Bidang Pengkhususan	40
4.1.4	Latarbelakang Pendidikan Ijazah Pertama	41
4.2	Analisis Bahagian B	42
4.2.1	Program Sarjana Pendidikan (Teknikal)	43
	KUiTTTHO Menepati Kehendak	
	Profesion Perguruan di Politeknik	
4.2.2	Komponen Kurikulum Menepati Skop	45
	Tugas Guru Profesional di Politeknik	
4.2.3	Kekerapan Penggunaan Ilmu yang	46
	Dipelajari	
4.2.4	Tahap Kebolegunaan Kurikulum yang	47
	Sedia Ada	



<b>BAB V</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	48
5.0	Pengenalan	48
5.1	Kesimpulan	48
5.2	Cadangan	51
5.2.1	Pelajar Program Sarjana Pendidikan (Teknikal)	52
5.2.2	Pihak KUiTTHO	52
5.2.3	Politeknik	53
5.3	Cadangan Lanjutan	54

<b>BIBLIOGRAFI</b>	55
--------------------	----

<b>LAMPIRAN</b>	59
-----------------	----



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.4 (i)	Soalan Soal Selidik Bahagian A	30
Jadual 3.4 (ii)	Format Borang Soal Selidik	31
Jadual 3.4 (iii)	Format Skala Likert	32
Jadual 3.4 (iv)	Perubahan Aras Persetujuan	33
Jadual 3.5.2 (i)	Pengiraan Skor Min untuk Skala Likert	34
Jadual 3.5.2 (ii)	Jadual Penentuan Tahap	35
Jadual 4.1.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	39
Jadual 4.1.2	Taburan Responden Mengikut Ras	40
Jadual 4.1.3	Taburan Responden Mengikut Bidang Pengkhususan	41
Jadual 4.1.4	Taburan Responden Mengikut Latarbelakang Pendidikan Ijazah Pertama	42
Jadual 4.2.1	Skor Min dan Sisihan Piawai Kadar Kepentingan Ilmu dan Kemahiran Dengan Ketrampilan Graduan	43
Jadual 4.2.2	Skor Min dan Sisihan Piawai Mengenai Kebolegunaan Ilmu yang Dipelajari	45
Jadual 4.2.3	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Mengenai Kekerapan Penggunaan Ilmu yang Dipelajari	46
Jadual 4.2.4	Taburan Skor Min dan Sisihan Piawai Mengenai Tahap Kebolegunaan Kurikulum Sedia Ada	47

## SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAI
Rajah 1.5	Perkantan Di antara Pembolehkan- pembolehkan	8
Rajah 3.3	Kronologi Kajian	28



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

Fenomena pada masa kini, program persediaan atau pendidikan kerjaya amat dititikberatkan oleh mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan agar dapat melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir yang berkaliber lagi berketrampilan sama ada dalam bidang perkhidmatan atau pembuatan, termasuklah bidang perguruan atau pendidikan. Majikan pada alaf baru ini lebih mementingkan individu pekerja yang mempunyai kedua-dua kekuatan iaitu akademik dan juga kemahiran tertentu supaya dapat melaksanakan sesuatu tanggungjawab yang diamanahkan dengan berkesan. Individu pekerja sedemikian kebiasaannya bersifat kreatif, dedikasi, berkeyakinan, mempunyai cita-cita serta mempunyai daya ketahanan fizikal dan mental yang tinggi.

Program persediaan kerjaya merupakan satu kombinasi antara persediaan di sekolah atau institusi dengan pengalaman kerja sebenar yang dibentuk untuk membolehkan para pelajar membina sikap, kemahiran dan pengetahuan berkaitan kerjaya dan peranan-peranan lain dalam persekitaran kerja sebenar.

Menurut satu kajian yang dibuat di Michigan (Ingham ISD, 1995), program persediaan kerjaya ini adalah bertujuan untuk membantu para pelajar:

- a. Mengukuhkan kemahiran sosial dan teknikal.
- b. Membina tanggungjawab personal.

- c. Meneroka pilihan-pilihan kerjaya.
- d. Mencapai kemahiran kerjaya secara spesifik.
- e. Menggalakkan hubungan positif dengan pekerja-pekerja 'senior'.
- f. Memahami perhubungan dan mengaplikasikan pembelajaran akademik.

Pelajar-pelajar yang mengikuti program persediaan kerjaya boleh dipanggil sama ada sebagai pemerhati, pelatih atau pekerja bergantung kepada beberapa kriteria tertentu termasuk tempoh masa program yang diikuti.

### 1.1 Latar Belakang Masalah

Pendidikan bukan hanya menyediakan pelajar mengenai pengetahuan semata-mata tetapi pendidikan menyediakan mereka untuk kehidupan selepas sekolah atau institusi pengajian tinggi. Program Sarjana Pendidikan (Teknikal) adalah satu bentuk program persediaan kerjaya usahasama di antara Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) dan Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebelum daripada itu, penubuhan KUiTTHO yang dahulunya dikenali sebagai Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) pada tahun 1992, khususnya merupakan kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan juga "Midwest Universities Consortium for International Activities, Inc. (MUCIA)", iaitu satu konsortium yang terdiri daripada sepuluh buah universiti yang terbesar dan berprestij di Amerika yang bertujuan untuk melatih bakal tenaga pengajar berkualiti untuk politeknik.

Permohonan kemasukan, tajaan pembelajaran dan penempatan graduan diuruskan sepenuhnya oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak KUiTTHO pula bertanggungjawab dalam aspek pengendalian dan pensijilan bagi program ikhtisas yang dikendalikannya sama ada secara kerja kursus, melalui penyelidikan ataupun melalui kerja kursus dan penyelidikan.

Program Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO mengambil masa minimum selama tiga semester iaitu tidak kurang daripada empat puluh lapan minggu secara sepenuh masa. Program Sarjana secara kerja kursus dijalankan dengan menggunakan kaedah pengendalian program yang dijalankan keseluruhannya melalui sistem perkuliahan dan kertas projek. Beban kredit lazim bagi setiap matapelajaran ialah dalam lingkungan tiga kredit dan kertas projek kajian atau Projek Sarjana (PS) pula tidak melebihi enam kredit. Penilaian pencapaian akademik pelajar bagi setiap matapelajaran dan kertas projek dibuat melalui gabungan tugas, peperiksaan dan atau seminar.

Program pengajian secara penyelidikan pula menggunakan sistem pengajian yang berasaskan penyelidikan sepenuhnya dan pelajar hanya perlu mendaftar satu matapelajaran utama iaitu penyelidikan. Beban kerja bagi matapelajaran ini dianggap setaraf dengan beban akademik untuk satu semester. Matapelajaran lain yang boleh didaftarkan bersama dengan penyelidikan ialah pendidikan umum universiti dan pra-syarat. Pencapaian akademik dinilai dalam bentuk laporan kemajuan.

Program pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan pula adalah gabungan dua kaedah pengendalian di atas. Bahagian kerja kursus diselesaikan terlebih dahulu sebelum membuat penyelidikan. Kaedah penilaian pencapaian juga adalah gabungan di antara kedua-dua kaedah di atas.

Program ini merupakan satu bentuk latihan pra-perkhidmatan bagi menyediakan calon-calon untuk memperolehi sijil ikhtisas perguruan iaitu pra-syarat kelayakan masuk kejawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG 3 dalam Skim Perkhidmatan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini termasuklah untuk memasuki perkhidmatan pendidikan dan berkhidmat sebagai tenaga pengajar bertauliah dalam sistem politeknik dan sekolah-sekolah menengah teknik di Malaysia.

Di samping itu juga, program ini berfungsi untuk melahirkan bakal graduan yang profesional dalam bidang perguruan. Aspek-aspek profesional yang ingin diterapkan dalam program kesediaan kerjaya ini meliputi aspek penguasaan pengetahuan dan kemahiran teknikal, nilai-nilai sahsiah dan tindakan peribadi yang

diperlukan sebagai seorang penjawat jawatan kategori pengurusan dan profesional dalam bidang perkhidmatan pendidikan. Antaranya termasuklah penguasaan ilmu pengajaran dan pembelajaran, pengurusan sumber, penyelidikan dan pembangunan serta interaksi sosial yang positif dalam persekitaran sosial perkhidmatan pendidikan.

Setiap pelajar yang mengikuti program persediaan kerjaya ini seharusnya mempunyai keupayaan untuk menyesuaikan diri dalam kerjaya yang bakal diceburi. Namun begitu, keupayaan menyesuaikan diri dengan kehendak kerjaya amat bergantung kepada tahap pendedahan awal yang diterima sewaktu di peringkat persediaan kerjaya. Secara khususnya, di antara nilai-nilai yang diukur dan diharapkan dari seorang penjawat jawatan perkhidmatan awam, termasuk pendidikan adalah seperti berikut:

1. **Competencies** iaitu kebolehan untuk mentakrif dan menaksir data dan membuat rumusan. Menurut laporan *Workforce Training and Education Coordinating Board* pada tahun 1997, *competencies* yang dikenalpasti untuk berjaya dalam sesuatu kerjaya sepertimana di bidang akademik ialah kerja secara berkumpulan, menunjukkan sikap bertanggungjawab, berupaya menyelesaikan masalah serta mampu menggunakan teknologi.
2. **Ability to communicate** iaitu kebolehan berkomunikasi secara lisan dan tulisan secara efektif, termasuk berhujah, melapor, mencadang, memimpin dan mempertahankan pendirian. Menurut Aziz Salleh (1998), komunikasi merupakan satu bentuk perhubungan yang harmoni, baik dan bersefahaman sesama manusia, melalui ciri-ciri keikhlasan, keadilan, kejujuran, bertimbang rasa dan berperikemanusiaan.

University of Canberra (1995), berpendapat bahawa, kemahiran berkomunikasi merujuk kepada keupayaan untuk menyampaikan pengetahuan, idea dan pendapat secara profesional. Selain itu, komunikasi yang berlaku hendaklah disampaikan dengan yakin dan jelas kepada para hadirin bagi memenuhi pelbagai tujuan. Oleh itu, komunikasi boleh melibatkan pelbagai bentuk percakapan, penulisan, grafik atau pengungkapan secara bukan lisan serta dapat melakukan penghujahan secara rasional.



3. *Learnt* iaitu kebolehan untuk belajar dan cuba menyesuaikan diri dengan kehendak kerjaya yang diceburi. Menurut Musa (1998), para pelajar yang telah diberikan pelbagai input teori dan praktikal sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan masih tidak dapat menyesuaikan diri dalam suasana bekerja dan tidak berkeyakinan dalam melaksanakan tugas.
4. *Ability to manoeuvre* iaitu kebolehan untuk menguasai dan mengubahsuai sistem teknologi supaya memenuhi kehendak kerjaya. Petikan daripada Taba (1962), mengatakan bahawa:

*Technology has changed and is changing not only the face of the earth and the institutions of our society, but man itself.*

Kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa perkembangan teknologi telah membawa perubahan yang pesat pada kehidupan manusia. Oleh itu, setiap individu pelajar perlulah mempunyai kemahiran untuk menguasai teknologi terkini dan mengaplikasikannya dalam kerjaya masing-masing.

5. *Ability to live and work together* iaitu kebolehan untuk hidup dan bekerja bersama sebagai satu pasukan dalam persekitaran kerjaya. Menurut Bass (1999), dalam artikel yang bertajuk *Collaborative Learning: Group Work and Study Teams*, kemahiran yang diperlukan dalam pembelajaran secara bekerjasama bagi mencapai kejayaan bekerja dalam pasukan ialah seseorang itu mestilah sentiasa tolong-menolong di antara satu sama lain dalam memahirkan diri dengan bidang tugas yang diberikan serta sentiasa berupaya memberi dan menerima kritikan yang membina.
6. *Ability to contribute* iaitu kebolehan memberi sumbangan secara bermakna bagi peningkatan kesejahteraan dan kemakmuran sejagat. Dalam konteks negara kita, mengikut Abd. Latif (2001), kurikulum adalah berperanan untuk menghasilkan tenaga manusia yang terlatih untuk keperluan negara di samping mendukung cita-cita negara dalam mewujudkan perpaduan rakyat yang terkandung di dalam Rukunegara. Hasil daripada itulah lahirnya seorang



pekerja yang berkemampuan memenuhi kehendak majikan serta dapat menyumbangkan ke arah pembangunan negara.

Namun begitu, tidak dapat ditentukan secara sah selama tempoh program Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO ini ditawarkan, adakah graduan lepasan program ini benar-benar dapat memenuhi spesifikasi kualiti kerjaya yang diharapkan setelah berkhidmat di mana-mana politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia seluruh negara.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Program persediaan kerjaya yang ditawarkan di peringkat Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO amat penting dan banyak membantu bakal pensyarah politeknik mempersiapkan dan memperlengkapkan diri sebelum ditempatkan di mana-mana politeknik seluruh negara. Walaupun secara kasarnya program ini dilihat sebagai satu program yang berjaya mencapai matlamat dan kehendak pihak penganjur iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan pensyarah-pensyarah terlatih bagi mengisi kekosongan tempat di politeknik, tetapi sejauhmanakah keberkesanan program ini kepada graduan dan politeknik.

Para pelajar telah dibekalkan dengan teori dan praktikal dalam proses menghadapi alam pekerjaan. Jika ditinjau dari segi persediaan dalaman yang melibatkan kemahiran, tabiat dan gaya atau cara membuat sesuatu, terdapat segelintir pelajar yang tidak dapat menyesuaikan diri dalam suasana bekerja dan tidak berkeyakinan dalam melaksanakan tugas (Musa Garba Maitafsir, 1998).

Program persediaan kerjaya seharusnya menyediakan para pelajar dengan kemahiran-kemahiran tertentu yang berkaitan dengan kerjaya sebenar mereka seperti kemahiran sosial dan komunikasi. Oleh yang demikian, pengkaji telah membuat tinjauan terhadap apakah pendapat graduan mengenai kualiti program persediaan perguruan di KUiTTHO?

### 1.3 Objektif Kajian

Melalui pernyataan masalah kajian yang dikenalpasti oleh pengkaji iaitu untuk meninjau pendapat graduan mengenai kualiti program persediaan perguruan di KUiTTHO, maka pengkaji dapat menetapkan beberapa matlamat daripada kajian yang telah dijalankan ini. Kajian ini mempunyai empat objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji iaitu:

1. Pengkaji ingin mengetahui sama ada program persediaan kerjaya KUiTTHO menepati kehendak profesion perguruan di politeknik.
2. Pengkaji ingin mengenalpasti apakah komponen kurikulum KUiTTHO menepati skop tugas guru profesional di politeknik.
3. Pengkaji ingin mengetahui hirarki komponen kurikulum sedia ada apakah yang dianggap paling penting dan perlu wujud di dalam program Sarjana Pendidikan (Teknikal) di KUiTTHO.
4. Pengkaji ingin mengetahui bagaimanakah kurikulum di KUiTTHO boleh diperbaiki untuk meningkatkan tahap kualiti para graduannya.

### 1.4 Soalan Kajian


Melalui kajian ini, pengkaji telah mengupas persoalan mengenai adakah program persediaan kerjaya di KUiTTHO menepati dengan keperluan kualiti profesionalisma kerjaya perguruan di politeknik? Melalui pernyataan masalah yang dikenalpasti, pengkaji telah memfokuskan kepada empat soalan kajian iaitu:

1. Adakah kadar kepentingan ilmu dan kemahiran yang diperolehi daripada program Sarjana Pendidikan (Teknikal) relevan dengan ketrampilan graduan KUiTTHO?

2. Adakah komponen kurikulum program Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO menepati dengan skop tugas guru profesional di politeknik?
3. Apakah hiraki kepentingan komponen kurikulum yang sedia ada dalam program Sarjana Pendidikan (Teknikal) di KUiTTHO?
4. Bagaimanakah kurikulum program Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO boleh diperbaiki?

### 1.5 Kerangka Teori

**Rajah 1.5 : Perkaitan Di Antara Pembolehubah-pembolehubah**



Merujuk kepada Rajah 1.5 di atas, pengkaji melihat hubungan empat pembolehubah tidak bersandar yang mempengaruhi kualiti program persediaan perguruan KUiTTHO iaitu kadar kepentingan ilmu dan kemahiran dengan ketrampilan graduan, komponen kurikulum menepati skop tugas guru profesional,

hiraki kepentingan komponen kurikulum sedia ada dan kurikulum sedia ada diperbaiki.

“Pembolehkan tidak bersandar ialah faktor yang dilakukan kepada kumpulan eksperimental dan tidak kepada kumpulan kawalan (Mohamad Najib, 1999).” Pembolehkan bersandarnya ialah kualiti program persediaan perguruan KUiTTHO. Mengikut Mohamad Najib lagi, pembolehkan bersandar merupakan hasil yang diukur untuk menentukan sama ada perlakuan berubah.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini telah dapat memberikan manfaat kepada pengkaji yang terlibat secara langsung dalam pendidikan teknikal dan bakal menjadi pensyarah di politeknik. Selain daripada itu, diharapkan agar melalui dapatan kajian ini akan memberikan kelebihan dan kebaikan kepada politeknik sebagai majikan untuk memastikan para pensyarah terutamanya yang mengikuti program Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO dapat mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang dipelajari dalam bilik kuliah.

Pihak pentadbiran akademik KUiTTHO boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk memperbaiki kelemahan dari segi pemilihan dan pelaksanaan kurikulum agar segala kekurangan dikenalpasti dan diambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menjamin kualiti setiap graduan yang dihasilkannya. Matapelajaran yang seharusnya ada dan relevan dengan kehendak kerjaya perlu dimasukkan dan sebaliknya, jika terdapat mana-mana matapelajaran yang dikenalpasti tidak memberikan sebarang sumbangan kepada bidang kerjaya graduan maka, perlulah diabaikan. Begitu juga dengan pemilihan penggunaan kaedah-kaedah pengajaran, perlu disesuaikan sebaik mungkin.

Hasil daripada kajian ini juga akan memberikan manfaat kepada bakal pensyarah politeknik dalam memperlengkapkan diri sebelum menjadi tenaga pengajar di politeknik kelak. Selain daripada itu, pengkaji-pengkaji lain juga boleh

menjadikan kajian ini sebagai sumber rujukan di masa yang akan datang dan dapat menyumbangkan manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

## 1.7 Skop Kajian

Skop kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji ialah cuma melibatkan pelajar-pelajar semester tiga Sesi 2000/2001 program Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO yang telah menjalani latihan mengajar di politeknik-politeknik seluruh negara. Pemilihan pelajar-pelajar tersebut sebagai responden dibuat memandangkan mereka telah menjalani program Orientasi Budaya Sekolah (OBS) dan latihan mengajar selama dua bulan dan telah mengalami sendiri pengalaman mengajar dan segala aktiviti yang terdapat di politeknik.

Pengkaji hanya mengkaji dari segi kurikulum yang terdapat di dalam program persediaan kerjaya ini samada dapat memenuhi keperluan kerjaya perguruan dan berguna untuk diaplikasikan di politeknik bertepatan dengan tajuk kajian.

## 1.8 Definisi Istilah

### 1.8.1 Kurikulum

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran 1979 dalam Perakuan 114, mendefinisikan kurikulum sebagai suatu rancangan pendidikan yang membendung segala ilmu pengetahuan serta kemahiran, nilai-nilai dan norma-norma kebudayaan dan kepercayaan yang telah menjadi pilihan masyarakat untuk diperturunkan kepada ahli-ahlinya. Peranan kurikulum dalam pendidikan menurut Abd. Latif (2001), adalah untuk membina perkembangan pelajar yang lengkap dari

segi jasmani, rohani, akal dan emosi serta menyemai, menanam dan memupuk nilai-nilai akhlak yang diingini, di samping menyampaikan ilmu.

Hirst (1975), pula mendefinisikan kurikulum sebagai program yang mengandungi aktiviti pembelajaran yang disusun oleh guru untuk membolehkan pelajar-pelajar mencapai objektif yang telah ditentukan. Manakala Warwick (1975), memberikan takrifan kurikulum sebagai struktur terancang ideal-ideal sesebuah sekolah yang bersesuaian dengan keperluan-keperluan psikologi pelajar, kemudahan-kemudahan yang sedia ada serta keperluan-keperluan budaya semasa.

Carter dan Doyle dalam buku Woolfolk (1989), melalui laporan kajiannya bertajuk '*Classroom Research as a Resource for the Graduate Preparation of Teachers*' mendefinisikan kurikulum di dalam bidang perguruan sebagai isi kandungan yang diajar dan atau peluang untuk belajar.

### 1.8.2 Profesional

Abdul Aziz Hussin (2001), mentakrifkan profesional sebagai orang yang mematuhi dan mendaftar mengikut undang-undang masing-masing, misalnya "jurutera" di bawah Akta Jurutera 1967 manakala "arkitek" pula terletak di bawah Akta Arkitek 1967. Carter dan Doyle dalam buku Woolfolk (1989), membahagikan dua ciri bagi profesional:

- i. Pengkhususan dan bidang spesifik iaitu golongan ini boleh menyelesaikan sebarang perkara dengan cekap menggunakan strategi penyelesaian masalah di dalam bidang khusus mereka.
- ii. Tahap penafsiran yang tinggi dan cekap iaitu bijak menjangkakan sesuatu situasi dan membuat keputusan.

Woolfolk (1989), memetik idea Shulman (1987), yang mencadangkan mengenai satu model pengetahuan profesional yang terdiri daripada tujuh domain



pengetahuan iaitu perkara yang dibincangkan di dalam buku, kurikulum, pedagogi umum atau prinsip-prinsip mengajar, prinsip mengajar yang khusus kepada subjek tertentu, pelajar dan ciri-ciri pelajar, konteks pendidikan (kumpulan kecil, bilik darjah, sekolah dan lain-lain) dan matlamat dan nilai pendidikan.

### **1.8.3 Pendidikan Kerjaya**

Burley (2001), membuat takrifan pendidikan kerjaya sebagai satu kombinasi antara persediaan berasaskan sekolah dan pengalaman di tempat kerja yang dibentuk secara kerjasama dengan sesebuah perniagaan atau industri bertujuan untuk memberikan sikap, pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar mengenai kerjaya dan situasi sebenar dunia pekerjaan.

### **1.8.4 Pendidikan Teknikal**

Pendidikan teknikal mengikut Noor Azlina (1999), adalah pendidikan yang bertujuan untuk menyediakan pelajar yang cenderung kepada bidang teknik di peringkat pendidikan menengah atas bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dalam bidang tersebut. Di samping itu, Noor Azlina menambah bahawa melalui pendidikan teknikal ini juga membolehkan pelajar mendapat pekerjaan di sektor teknikal, perindustrian dan perdagangan.

### **1.8.5 Kualiti**

Kualiti menggambarkan nilai yang tinggi, unggul dan sentiasa disanjung seperti cekap, mantap, bersemangat, berwibawa, berkarisma, boleh bekerja dalam satu pasukan serta berketrampilan (Aziz Salleh, 1998). Menurut Greech (1996), kejayaan perlaksanaan sistem kualiti khasnya dalam pengajaran dan pembelajaran

bergantung kepada lima tonggak utama iaitu produk (input), proses, organisasi, pimpinan dan komitmen yang berjalan seiring.

'Kriteria kualiti' untuk program sarjana menurut kajian Carol Simon Weinstein dalam buku Woolfolk (1989), yang dibentuk oleh *Tennessee Conference of Graduate School* mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Pengalaman tutorial seperti pengajaran dengan cara tersendiri, penasihat dan bimbingan;
2. Tahap kecanggihan dan intelektual yang maju ke hadapan;
3. Dasar kepada kerja kursus terancang;
4. Keperluan peralatan, teknik dan metodologi;
5. Komponen kajian;
6. Pengalaman sesuatu bidang yang luas;
7. Pengalaman penting seperti membuat seminar, tesis, latihan praktikum;
8. Peperiksaan secara komprehensif.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## BIBLIOGRAFI

- Aziz Salleh (1998). "Panduan Komunikasi Dan Pengurusan Cemerlang."  
Shah Alam:Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Best, J.W. dan Kahn, J.V. (1998). "Research in Education." 8th. ed. Needham  
Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Finch, C.R. dan Crunkilton, J.R. (1999). "Curriculum Development in Vocational &  
Technical Education-Planning, Conduct and Implementation." Edisi kelima  
Needham Heights, MA:Allyn and Bacon.
- Fink, A. and Kosecoff, J. (1985). "How to Conduct Surveys." California: Sage  
Publication Inc.
- Greech, B. (1996). "The Fire of TQM." Dutton: Truman Talley Books.
- Hamilton, M.A. & Hamilton, S.F. (1997). "Learning Well At Work: Choices for  
Quality." Washington, DC: National School-to-Work Office.
- Hirst, P.H. (1975). "Knowledge And the Curriculum." London: Routledge & Kegan  
Paul.
- Ingham Intermediate School District (1995). "A Guide to Work-Based Learning  
Programs: Part I-Occupational Learning." Mason, MI: Ingham Intermediate  
School District.
- Kerlinger, F.N. (1986). "Foundations of Behavioural Research." Fort Worth: Holt,  
Rinehart and Winston.

- Krejeie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970).” Educational and Psychological Measurement.” MA: Allyn and Bacon.
- Mc. Cracken, J.D. (3 APRIL, 1986). “Employer Attitudes Concerning the Preparation of Youth for Productive Work.” Forum Pendidikan Vokasional Kebangsaan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). “Penyelidikan Pendidikan.” Skudai:Penerbit UTM.
- Musa Garba Maitafsir (1998). “Transactional Process: A Guide for Technical and Vocational Student.” Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nazlina, M. (1996). “Tingkah Laku Keibubapaan Dan Pencapaian Akademik Anak Bandar Dan Luar Bandar .” Universiti Putra Malaysia: Laporan Projek Tahun Akhir.
- Noor Azlina Zainudin (1999). “Usaha Lahir Tenaga Mahir:Aliran Teknikal Pilihan Pelajar.” Berita Harian, 25 November.
- N.S. Rajendran (1998). “Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Bestari:Antara Prospek dan Cabaran.” Proseding Seminar Isu-isu Pendidikan Negara. UKM. 26-27 November.
- Raggat, P. (1995). “Competencies Attributes and Curriculum:The Australian Agenda” dalam Burke, J. “Outcomes, Learning the Curriculum-Implications for NVQs, GNVGs and Other Qualifications.” 1st.ed. East Sussex: The Falmer House.
- Shahril@Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999). “Isu-isu Pendidikan di Malaysia, Sorotan dan Cabaran.” Kuala Lumpur:Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Slavin, R.E. (1997). "Educational Psychology-Theory and Practice." 5th. Edition. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Stasz, C. dan Kaganoff, T. (1997). "Learning How to Learn at Work: Lessons From Three High School Programs." DRU-1697-NCRVE/UCB. Santa Monica, CA: RAND.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). "Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taba, H. (1962). "Curriculum Development-Theory & Practise." New York: Harcourt, Brace and World.
- Universiti Teknologi Malaysia (1981). "Laporan Kajian Sistem Pelajaran Vokasional di Semenanjung Malaysia." Universiti Teknologi Malaysia.
- Urquiola, M., Stern, D., Horn, L., Dornsife, C., Chi, B., Williams, L., Merritt, D., Hughes, K., & Bailey, T. (1997). "School to Work, College and Career." MDS-Berkeley, CA: NCRVE.
- Useng Awae (1995). "Tahap Penggunaan Teknologi Pendidikan Di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah Kerajaan Kawasan Pendidik II: Dari Sudut Pandangan Kenaziran." UKM: Tesis Sarjana.
- Warwick, D. (1975). "Curriculum Structure and Design." London: University of London Press.
- Wiersma, W. (1995). "Research Methods In Education-An Introduction." 6th. ed. Needham Heights: Allyn and Bacon.
- Woolfolk, A.E. (1989). "Research Perspectives On The Graduate Preparation of Teachers". New Jersey: Prentice-Hall, Inc.

“Paradigma Konstruktisma Dalam Kurikulum.” Abd. Latif Haji Gapor (2001).

Dicapai pada 20 Julai, 2001 daripada

[http://www.upsi.edu.my/fspm/buletin\\_akademik\\_kognitiffakulti.htm](http://www.upsi.edu.my/fspm/buletin_akademik_kognitiffakulti.htm).

“Ahli Profesional.” Abdul Aziz Hussin AMN (2001). Dicapai pada 20 Julai, 2001 daripada

<http://www.hbp.usm.my/aziz/AHLI%20PROFESIONAL%20PROJEK.htm>.

“Cabaran dan Harapan Dalam Pendidikan Menghadapi Alaf Baru.” Kementerian Pendidikan Malaysia. Mohamad bin Muda (2000). Dicapai pada 25 Julai, 2001 daripada [http://members.tripodasia.com.my/tm\\_upsi/cabaran.htm](http://members.tripodasia.com.my/tm_upsi/cabaran.htm).

“Work-Based Learning.” VTE 692: The Class: Module 4 (Coop). Northern Arizona University. Roberts, M.R. (2000). Dicapai pada 28 Julai, 2001 daripada [http://www.cet.nau.edu/vte692/Module\\_4/work-based\\_learning.htm](http://www.cet.nau.edu/vte692/Module_4/work-based_learning.htm).

“Work-Based Learning.” Burley, M.W. (2001). Dicapai pada 25 Julai, 2001 daripada <http://www.cctes.mde.state.mi.us/careerprepsys/wblearning.htm>.

“Amanat Tahun Baru 2000.” Y.B. Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad (2000).

Dicapai pada 30 Julai, 2001 daripada <http://www.moe.gov.my/amanat2000.htm>.

“Work-Based Learning.” ERIC Digest No.187. Naylor, M. (1997). Dicapai pada 25 Julai, 2001 daripada [http://www.ed.gov/databases/ERIC\\_Digests/ed411417.html](http://www.ed.gov/databases/ERIC_Digests/ed411417.html).

“Generic Skills and Attributes of Graduates From the University of Canberra.”

University of Canberra (1995). Dicapai pada 28 Julai, 2001 daripada

<http://www.canberra.edu.au/secretariat/council/generic.html>.

“Paradigma Konstruktisma Dalam Kurikulum.” Abd. Latif Haji Gapor (2001).

Dicapai pada 20 Julai, 2001 daripada

[http://www.upsi.edu.my/fspm/buletin\\_akademik\\_kognitiffakulti.htm](http://www.upsi.edu.my/fspm/buletin_akademik_kognitiffakulti.htm).

“Ahli Profesional.” Abdul Aziz Hussin AMN (2001). Dicapai pada 20 Julai, 2001 daripada

<http://www.hbp.usm.my/aziz/AHLI%20PROFESIONAL%20PROJEK.htm>.

“Cabaran dan Harapan Dalam Pendidikan Menghadapi Alaf Baru.” Kementerian Pendidikan Malaysia. Mohamad bin Muda (2000). Dicapai pada 25 Julai, 2001 daripada [http://members.tripodasia.com.my/tm\\_upsi/cabaran.htm](http://members.tripodasia.com.my/tm_upsi/cabaran.htm).

“Work-Based Learning.” VTE 692: The Class: Module 4 (Coop). Northern Arizona University. Roberts, M.R. (2000). Dicapai pada 28 Julai, 2001 daripada [http://www.cet.nau.edu/vte692/Module\\_4/work-based\\_learning.htm](http://www.cet.nau.edu/vte692/Module_4/work-based_learning.htm).

“Work-Based Learning.” Burley, M.W. (2001). Dicapai pada 25 Julai, 2001 daripada <http://www.cctes.mde.state.mi.us/careerprepsys/wblearning.htm>.

“Amanat Tahun Baru 2000.” Y.B. Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad (2000).

Dicapai pada 30 Julai, 2001 daripada <http://www.moe.gov.my/amanat2000.htm>.

“Work-Based Learning.” ERIC Digest No.187. Naylor, M. (1997). Dicapai pada 25 Julai, 2001 daripada [http://www.ed.gov/databases/ERIC\\_Digests/ed411417.html](http://www.ed.gov/databases/ERIC_Digests/ed411417.html).

“Generic Skills and Attributes of Graduates From the University of Canberra.”

University of Canberra (1995). Dicapai pada 28 Julai, 2001 daripada

<http://www.canberra.edu.au/secretariat/council/generic.html>.